

3. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran diatas adalah dikehendaki membuat bayaran RM 20.00 (Ringgit: DUA PULUH SAHAJA) kepada Bahagian Kelantan, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan sebagai bayaran Dokumen Sebutharga.

4. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Kontraktor hendaklah membawa Perakuan Pendaftaran Asal atau Kad Perakuan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Sijil Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera jika berkenaan. Salinan sijil Pendaftaran PKK /Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor, serta Sijil CIDB dan 'Surat Wakil' yang sah daripada Syarikat.

5. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat berlakri dan ditulis Nombor Sebutharga, Nama Sebutharga serta tarikh tutup dan dimasukkan kedalam Peti Sebutharga sebelum atau pada **29/11/2020 sebelum jam: 12.00 tengahari** di JKSN, Kelantan.

6. Pejabat ini tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(NORHASNEY RIDHWAN BIN HASSAN)

Ketua Pendaftar
b.p KETUA HAKIM SYARIE
NEGERI KELANTAN

s.k:

- 1) YAA Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan
- 2) Pusat Khidmat Kontraktor Negeri Kelantan
- 3) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
- 4) Majlis Daerah.....
- 5) Jabatan Kerja Raya Jajahan.....
- 6) Pejabat Tanah dan Jajahan.....



**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KELANTAN
KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah pecahan kepala perkhidmatan membersih dan mencuci bangunan pejabat seperti berikut :

NO. SEBUTHARGA	PERKARA
JKSKN 400-10/2/12 SH 3/2020	SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENCUCI BANGUNAN PEJABAT TUJUH (7) TINGKAT DI KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN BANDAR BAHARU TUNJUNG SERTA KAWASAN SEKITAR TERMASUK TANDAS, KAFETERIA, NURSERI TERMASUK PONDOK JAGA DAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH [SEMBILAN (9) JAJAHAN]

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat **mulai 22/11/2020 hingga 29/11/2020** di Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Kehakiman Syariah dengan menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Borang Sebutharga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dengan mencatatkan tajuk dan No. Sebutharga dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang ditetapkan di Bahagian Kewangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, Aras 5, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, 15510 Kota Bharu sebelum atau pada **pukul 12.00 tengahari** bertarih **29/11/2020**.

Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.